

246044

4000005408



HADIAH

KAJIAN PERBANDINGAN PASARAN SAHAM PILIHAN UTAMA DUNIA
DENGAN BURSA SAHAM KUALA LUMPUR

CHIN KAAH WAI

TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA
SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA MUDA SAINS DENGAN
KEPUJIAN

PROGRAM MATEMATIK DENGAN EKONOMI
SEKOLAH SAINS DAN TEKNOLOGI
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

2004

PERPUSTAKAAN UMS



1400005408



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS@

JUDUL: KAJIAN PERBANDINGAN PASARAN SABAHPILIHAN UTAMA DUNIA DENGAN BURSA SABAH buaka Lumpur.Ijazah: Sarjana MudaSESI PENGAJIAN: 2001Saya CHIN KAHI WHI

(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (LPS/Sarjana/Doktor Falsafah)* ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sabaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. **Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh

Xeo

(TANDATANGAN PENULIS)

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

Alamat Tetap: 31, Jalan Tasek,
Tmn musim Bunga,31400 Ipoh. Perak Dewi RidzuanPh. Siti Rahayu bt. Mohd. Haslim

Nama Penyelia

Tarikh: 16/3/2004Tarikh: 16/3/2004

CATATAN: * Potong yang tidak berkenaan.

- ** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

- @ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).



PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

9 Februari 2004



(CHIN KAAH WAI)

(HS 2001 - 2512)




UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

Tandatangan


1. PENYELIA

(PUAN SITI RAHAYU BT. MOHD. HASHIM)




2. PEMERIKSA 1

(DR. HO CHONG MUN)



3. PEMERIKSA 2

(CIK DARMESAH BT. GABDA)



4. DEKAN

(PROF. MADYA DR. AMRAN AHMED)



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia saya iaitu Puan Siti Rahayu Bt. Mohd. Hashim yang telah memberi tunjuk ajar, dorongan serta nasihat yang bernes tanpa jemu agar semua kerja yang dihasilkan adalah berpatutan.

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia bersama dari Sekolah Perniagaan dan Ekonomi iaitu Encik Rosle Mohidin yang sudi meluangkan masa dalam memberikan maklumat dan data tentang bahagian yang berkenaan. Tanpa budi dan jasa beliau, kajian yang dijalankan tidak akan sedemikian rupanya.

Tidak dilupakan juga pensyarah-pensyarah yang sudi memberikan komen dan idea bernes yang tidak ternilai harganya. Sekalung budi ini juga tidak lengkap tanpa ucapan terima kasih kepada keluarga dan rakan sekelas atas sokongan serta dorongan dalam menyempurnakan kajian ini.

Sekian, terima kasih.

CHIN KAAH WAI
(HS 2001 - 2512)

9 Februari 2004

ABSTRAK

Kajian ini adalah tentang menguji betapa kuat hubungan antara enam buah bursa saham yang terdiri daripada lima buah major pasaran saham dengan Bursa Saham Kuala Lumpur. Lima buah major pasaran saham adalah Amerika Syarikat (Indeks Dow Jones), United Kingdom (Indeks Financial times), Australia (Indeks All Ordinries), Hong Kong (Indeks Hang Seng) dan Jepun (Indeks Nikkei). Kajian ini adalah cuba menentukan kesahihan kepercayaan umum bahawa prestasi pasaran saham Malaysia adalah banyak dipengaruhi oleh prestasi pasaran saham di negara maju. Dalam konteks ini, tempoh yang dikaji adalah sebanyak 11 tahun, iaitu dari Januari 1990 hingga Disember, 2000. Dengan ini, kaedah korelasi Pearson telah digunakan untuk menganalisis data-data tersebut. Keputusan korelasi yang diperolehi dalam kajian ini adalah tidak begitu tinggi sebagaimana dipercayai secara umum. Selain itu, ujian-t juga digunakan untuk menguji perbezaan pulangan purata antara pasaran-pasaran saham negara maju dengan negara Malaysia. Keputusan yang didapati adalah tidak mempunyai perbezaan yang signifikan bagi pulangan purata antara pasaran-pasaran saham masing-masing. Dalam kajian ini, min, sisihan piaawai, pekali kepencongan dan kurtosis juga telah dicari untuk menganalisis pasaran saham yang manakah berisiko tinggi malah pulangan juga tinggi. Jadi, kesimpulan bagi kajian ini adalah pengaruh prestasi daripada pasaran-pasaran negara maju terhadap pasaran saham Malaysia adalah tidak begitu tinggi dan pelaburan secara kepelbagaiannya tidak akan memberikan pulangan yang tinggi malah hanya sedikit sebanyak sahaja jika berbanding melabur dalam satu pasaran sahaja.

A COMPARISON STUDY OF MALAYSIA STOCK MARKET WITH SELECTED WORLD MARKETS

ABSTRACT

This study is regarding to test the degree of the relationship among six selected stock market which are five major stock market and Malaysia stock market. The five major stock market are New York (Index Dow Jones), United Kingdom (Index Financial Times), Australia (Index All Ordinaries), Hong Kong (Index Hang Seng) and Tokyo (Index Nikkei). The study is focused on the performance of the Kuala Lumpur Stock Exchange which general belief that there are a high influence by the performance of the major stock exchange market. In this context, the duration of the period which selected to analysis was about 11 years which from January, 1990 to December, 2000. The correlation test was used to determine the degree of the influence by the major stock exchange market to the Kuala Lumpur Stock Exchange. The result showed where the degree of the influence are quite low which general belief not. In addition, t-test are used to test the average return among the major stock market with Malaysia. The result showed that the average return of the stock market are not significantly different. In this study the mean, standard deviation, skewness and kurtosis were used to analysis that which stock market is high risk whereas it got a high return. As a conclusion, the degree of the influence by the performance of the major stock market to the Kuala Lumpur Stock Exchange was quite low and the diversification among stock market will not produce better returns compared to invest in only one market.

KANDUNGAN

	Halaman
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI SINGKATAN	xi
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.1.1 Latar Belakang	3
1.1.2 Pengenalan Terhadap Jenis Pasaran	4
1.1.3 Pengenalan Terhadap Kaedah Korelasi	6
1.1.4 Pengenalan Terhadap Ujian-t	7
1.2 Objektif Kajian	8
1.3 Skop Kajian	8
1.4 Bahan Kajian	9
BAB 2 ULASAN LITERATUR	10
2.1 Ulasan Terhadap Bursa Saham	10
2.2 Ulasan Terhadap Krisis Mata Wang	12
2.3 Ulasan Kaedah Analisis Statistik	14
2.3.1 Analisis Korelasi	14
2.3.2 Kaedah Ujian-t	15
BAB 3 KAEDEAH KAJIAN	16
3.1 Perubahan Peratusan Pulangan Bulanan	16
3.1.1 Ujian Kolmogorov-Smirnov	17



3.1.2	Tabii Taburan Untuk Perubahan Indeks Bulanan	18
3.2	Analisis Korelasi	18
3.3	Ujian-t Bagi Dua Sampel Bebas	22
BAB 4 KEPUTUSAN DAN ANALISIS KAJIAN		25
4.1	Pengenalan	25
4.2	Perubahan Peratusan Pulangan Bulanan	25
4.2.1	Ujian Kolmogorov-Smirnov	27
4.2.2	Tabii taburan Untuk Indeks Bulanan	29
4.3	Analisis Korelasi	31
4.4	Analisis Korelasi Dalam Bilangan Bulanan Tertentu	37
4.5	Ujian-t Bagi Dua Sampel Bebas	38
BAB 5 PERBINCANGAN		43
5.1	Perbincangan Terhadap Sifat Kenormalan	43
5.1.1	Perbincangan Terhadap Tabii Taburan	43
5.2	Perbincangan Terhadap Analisis Korelasi	46
5.3	Perbincangan Terhadap Ujian-t Bagi Dua Sampel Bebas	48
BAB 6 KESIMPULAN		49
6.1	Kesimpulan	49
6.2	Cadangan	51
RUJUKAN		54
LAMPIRAN		57

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Halaman
4.1 Perubahan peratusan pulangan bulanan Dow Jones	26
4.2 Ujian Kolmogorov-Smirnov bagi Januari 1990 hingga Disember 2000	27
4.3 Ujian Kolmogorov-Smirnov bagi Januari 1990 hingga Jun 1997	28
4.4 Ujian Kolmogorov-Smirnov bagi Julai 1997 hingga Disember 2000	28
4.5 Tabii taburan bagi Januari 1990 hingga Disember 2000	29
4.6 Tabii taburan bagi Januari 1990 hingga Jun 1997	30
4.7 Tabii taburan bagi Julai 1997 hingga Disember 2000	30
4.8 Perubahan peratusan pulangan bulanan bagi tahun 1990	31
4.9 Ujian Korelasi pada Januari 1990 hingga Disember 2000	34
4.10 Ujian Korelasi pada Januari 1990 hingga Jun 1997	35
4.11 Ujian Korelasi pada Julai 1997 hingga Disember 2000	36



4.12 Ujian korelasi bagi KLSE dengan lima pasaran saham dunia	37
4.13 Perubahan peratusan pulangan bulanan	38
4.14 Ujian-t bagi KLSE dengan lima pasaran saham dunia	41

SENARAI SINGKATAN

BSKL	Bursa saham Kuala Lumpur
TSE	Bursa saham Jepun
NYSE	Bursa saham Amerika Syarikat
KLCI	Indeks komposit Kuala Lumpur
CV	Koefisien varians

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Di Malaysia, Bursa Saham Kuala Lumpur merupakan satu-satunya bursa saham di negara Malaysia. Ia memainkan peranan yang paling penting dalam pembangunan ekonomi di Malaysia. Kepentingan Bursa Saham Kuala Lumpur telah diakui oleh pihak kerajaan dengan tertubuhnya *Securities Commission* sebagai badan pengawalan dalam memastikan pertumbuhan industri sekuriti dan ekonomi yang sihat di samping melindungi kepentingan pelabur (Kok dan Goh, 1995).

Semenjak akhir abad ke-19, aktiviti-aktiviti broker dan syer baru dijalankan di Malaysia, iaitu pihak broker merupakan saluran yang menyediakan kemudahan perdagangan syer syarikat untuk urusan perniagaan di sekitar rantau ini. Pada tahun 1937, Pasaran Saham Malaysia yang pertama telah ditubuhkan dan dinamakan sebagai Persatuan Broker Saham Malaya. Malah, aktiviti-aktiviti perdagangan saham dan syer awam tersebut dijalankan sehingga bulan Mei tahun 1960 sahaja.

Pada April 1963, *Malayan Stock Exchange Limited* telah ditubuhkan di Singapura. Pada tahun 1963, permohonan telah dibuat di Malaysia dan pada November 1964, Malaysia menamakan pasaran tersebut sebagai *Stock Exchange of Malaysia*. Apabila Malaysia ditubuhkan pada tahun 1965, nama tersebut telah ditukar menjadi *The Stock Exchange of Malaysia and Singapore*.

Sehingga bulan Mei 1973, terdapat dua dewan perdagangan untuk bursa saham iaitu di Kuala Lumpur dan di Singapura. Malah, pada tahun 1973, terdapat perubahan dengan keputusan bahawa kerajaan Malaysia ingin memisahkan urusan mata wang antara Singapura dan Malaysia, oleh yang demikian, diputuskan bahawa Kuala Lumpur dijadikan sebagai pusat kewangan yang penting. Pada 2 Julai 1973, *Kuala Lumpur Stock Exchange Berhad* atau KLSE telah ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965. Dengan penubuhan ini, segala saham yang didaftarkan di bawah *Stock Exchange of Malaysia and Singapore* akan secara automatiknya disenaraikan di bawah *Kuala Lumpur Stock Exchange Berhad* (Yong, 1994).

Pada tahun 1973 juga Akta Industri Sekuriti (*SIA*) telah diluluskan. Pada 14 Disember 1976, menurut Akta Industri Sekuriti (*SIA*), sebuah syarikat berhad telah ditubuhkan. Syarikat baru ini dikenali sebagai *Kuala Lumpur Stock Exchange* di mana berperanan untuk menjalankan segala fungsi dari *Kuala Lumpur Stock Exchange Berhad*.

Pada tahun 1974, Jawatankuasa Pelaburan Asing ditubuhkan. Fungsinya adalah selaras dengan usaha berterusan untuk memastikan pertumbuhan industri yang

berdisiplin di negara Malaysia. Selain itu, pada Julai 1983, Akta Industri Sekuriti yang baru telah dikuatkuasakan untuk menggantikan *SIA* pada 1973.

1.1.1 Latar Belakang

Sejurus selepas tragedi hitam 11 September 2001 di New York, bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohammad telah mengambil langkah untuk menutup Bursa Saham Kuala Lumpur daripada berdagangan pada 12 September 2001 (www.BSKL.com.my/pressrelease). Langkah beliau mencerminkan kepercayaan beliau, seperti ramai lagi ahli ekonomi, bahawa prestasi pasaran Saham Malaysia mempunyai hubungan yang lansung dengan suasana politik ekonomi di Amerika Syarikat.

Menurut Othman Yong (1987), pasaran Saham Malaysia mempunyai pekali kolerasi yang tinggi dengan pasaran saham utama seperti New York, London, Hong Kong, Tokyo, Sydney dan Johannesburg (iaitu di antara 0.68 dan 0.85), di antara selang tahun Mei 1974 dengan Disember 1978. Sehubungan dengan itu, pasaran Saham Malaysia di antara 1974 dan 1978 masih merupakan pasaran yang baru jika dibandingkan dengan pasaran New York dan London.

Dalam suatu lagi kajian, Othman Yong (1995) telah mendapati pengaruh NYSE terhadap BSKL telah menjadi lebih ketara selepas tahun 1986. Namun demikian pengaruh TSE terhadap BSKL tidak konsisten. Maka pergerakan KLSE pada keseluruhannya dikatakan tidak bergantung kepada semua pasaran saham utama seperti NYSE dan TSE.

Walaubagaimanapun, selepas tahun 80an , pasaran saham di Malaysia telah semakin matang. Girard et al (2001) dalam kajiannya menyatakan bahawa Malaysia merupakan antara pasaran yang telah mengecapi kematangan kerana telah menempuh pelbagai krisis ekonomi. Girard et al juga menyatakan bahawa pasaran seperti Malaysia, Korea, Indonesia, Filipina, Taiwan dan Thailand telah menunjukkan sifat telahan berbanding pasaran yang lebih kukuh. Ini kerana menurut kajian Climent (2001), pasaran di Asia boleh diramal dengan prestasi pasaran saham di Amerika Syarikat.

Dalam kajian ini, kita akan mempelopori dengan mendalam untuk mengetahui sama ada pasaran saham di Malaysia (Bursa Saham Kuala Lumpur) masih dipengaruhi oleh pasaran asing yang kukuh seperti *New York Stock Exchange, Tokyo Stock Exchange, London Stock Exchange, Sydney Stock Exchange* dan *Hong Kong Stock Exchange*.

Dalam pada itu, analisis kedua dilakukan untuk mengetahui jenis pulangan yang akan didapati apabila pelabur mempelbagaikan pelaburan dalam pasaran saham yang berbeza-beza.

1.1.2 Pengenalan Terhadap Jenis Pasaran

Saham biasa yang juga dikenali sebagai ekuiti sekuriti mewakili pemilikan saham dalam suatu korporat atau firma. Setiap pemilik saham akan memegang sijil saham sebagai bukti hak milik saham syarikat berdasarkan kajian-kajian lepas, saham biasa

selalunya memberikan pulangan yang lebih tinggi berbanding dengan bon. Namun demikian risiko memiliki saham biasa adalah lebih tinggi berbanding bon.

Pasaran ekuiti sekuriti terdiri daripada beberapa jenis saham. Antaranya ialah saham pertumbuhan, saham pendapatan, saham mewah, saham spekulatif, saham berputar (cyclical stock) dan saham defensif.

Saham pertumbuhan ialah saham biasa di mana firma yang mengalami pertumbuhan dalam jualan dan pendapatan yang melebihi tahap purata yang telah ditetapkan. Bayaran dividen adalah sangat rendah ataupun kadang-kadang tidak ada sebarang dividen. Maka pulangan daripada saham ini digunakan semula untuk sebab-sebab pertumbuhan ekonomi.

Saham pendapatan pula merupakan saham yang dimiliki untuk jangka masa yang panjang. Saham ini lambat mencapai kematangan dan membayar dividen yang tinggi. Risiko memiliki saham pendapatan adalah rendah serta peningkatan dalam harga saham adalah sedikit sahaja. Salah satu contoh saham pendapatan ialah saham utiliti. Sebaliknya saham mewah ialah saham yang mempunyai pertumbuhan konsisten dan dapat memberikan pulangan yang tinggi.

Saham spekulatif pula merupakan saham yang berisiko tinggi, iaitu kemungkinan untuk rugi atau untung adalah tidak menentu. Biasanya saham yang mempunyai perbezaan yang besar di antara harga yang paling tinggi dan harga yang paling rendah pada akhir minggu ke-52, di sebut sebagai saham spekulatif.

Saham putaran (cyclical) merupakan saham yang bergantung kepada siri pergerakan perniagaan. Ini bermakna apabila suasana ekonomi baik, harga saham ini akan meningkat. Sebaliknya jika ekonomi meleset, saham ini juga akan jatuh.

Saham defensif pula merupakan saham yang mempunyai sifat-sifat yang bertentangan dengan saham putaran. Harga saham defensif meningkat apabila ekonomi dalam keadaan meleset, manakala menurun apabila ekonomi jatuh. Saham seperti ini jarang dijumpai (Levy,2001).

1.1.3 Pengenalan Terhadap Kaedah Kolerasi

Kewujudan konsep seperti analisis regresi dan analisis korelasi adalah setanding dengan kewujudan statistik. Pada ketika ini, *Galton-Pearson correlation coefficient* merupakan formula yang terkenal digunakan secara menyeluruh dalam proses menganalisis data. Analisis Regresi pula merupakan konsep yang paling penting dalam sebarang statistik, di mana ia telah mengakibatkan banyak pengitlakan umum dan teknik-teknik yang baru. Walaupun terdapat perhubungan di antara satu sama lain, namun, konsep kedua-dua kaedah ini adalah tidak sama.

Bagi definasi analisis korelasi adalah satu formula simetrik yang berada di dua pembolehubah seperti ρ_{xy} atau analisis kolerasi juga boleh ditakrifkan sebagai

$$\rho = \frac{Kov(x, y)}{\sqrt{Var(x)Var(y)}}$$

Malah, formula ini tidak sesuai dalam konteks analisis regresi, ini kerana ia mempunyai dua pembolehubah yang lain takrifan (Dodge dan Rousson, 2001).

1.1.4 Pengenalan Terhadap Ujian-t

Hipotesis nol yang menyatakan bahawa kecekapan pasaran tiada kaitan dengan kesinambungan (atau keselarasan) perdagangan diuji dengan menggunakan formula

$$\text{Formula t-(diperhati)} = \frac{\overline{x_1} - \overline{x_2} - (\mu_1 - \mu_2)}{\sqrt{(s_p^2)} \left(\frac{1}{n_1} + \frac{1}{n_2} \right)}$$

dengan

$$\mu_1 - \mu_2 = 0 = \text{Nilai hipotesis ,}$$

$$S_p^2 = \left(\frac{n_1 - 1}{n_1 + n_2 - 2} \right) S_1^2 + \left(\frac{n_2 - 1}{n_1 + n_2 - 2} \right) S_2^2$$

$\overline{x_1}$ = Min peratusan pulangan bulanan bagi pasaran A

$\overline{x_2}$ = Min peratusan pulangan bulanan bagi pasaran B

n_1 = bilangan pulangan bulanan bagi indeks A

n_2 = bilangan pulangan bulanan bagi indeks B

S_1^2 = varians bagi pulangan bulanan bagi indeks A

S_2^2 = varians bagi pulangan bulanan bagi indeks B

Hipotesis nol di terima jika nilai t-diperhati) adalah dalam bidang nilai negatif atau positif jadual-t dengan darjah kebebasan, n_1+n_2-2 pada aras keertian 5 peratus atau 1 peratus yang berkenaan. Bagi $n>30$, taburan-t dianggarkan oleh taburan-z (Yong, 1994).

1.2 Objekif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- a. Menentukan sama ada prestasi pasaran-pasaran saham utama (negara maju) memberikan pengaruh yang kuat kepada prestasi pasaran saham negara Malaysia.
- b. Menentukan sama ada purata perubahan peratusan pulangan bulanan terdapat perbezaan signifikan di antara pasaran-pasaran saham yang terpilih.

1.3 Skop Kajian

Skop kajian ini adalah melibatkan enam buah pasaran saham di mana lima buah pasaran saham utama di dunia ini dan pasaran saham Malaysia (indeks KLCI). Lima buah pasaran saham utama ini adalah pasaran saham di Amerika Syarikat (indeks *Dow Jones*), United Kingdom (indeks *Financial Times*), Jepun (indeks *Nikkei*), Australia (indeks *All Ordinaries*) dan Hong Kong (indeks *Hang Seng*).

Tempoh yang dipilih dalam kajian ini adalah sebanyak sebelas tahun iaitu pada Januari 1990 hingga Disember 2000. Data-data yang dikaji adalah dalam bentuk perubahan peratusan pulangan bulanan bagi pasaran-pasaran saham tersebut. Selain itu, data-data tersebut dianalisis dalam tiga sub-tempoh iaitu sub-tempoh yang mengambilkira keseluruhan tempoh kajian (Januari 1990 hingga Disember 2000), mengambilkira tempoh masa sebelum ekonomi krisis (Januari 1990 hingga Jun 1997) dan mengambilkira tempoh dalam masa ekonomi krisis (Julai 1990 hingga Disember 2000).

1.4 Bahan Kajian

Data-data pasaran saham tertentu didapati dari bilik pasaran saham di Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Malaysia Sabah. Data-data yang digunakan dalam kajian ini terdiri daripada bursa saham Kuala Lumpur, New York, London, Sydney, Tokyo dan Hong Kong. Pasaran-pasaran saham yang dikaji adalah pasaran saham yang telah berniaga dalam tempoh Januari 1990 hingga Disember 2000.

Sehubungan dengan ini, sebelum data yang diperolehi tersebut dianalisis, indeks harian perlu diproses kepada indeks bulanan bagi setiap bursa saham yang terpilih.

BAB 2

ULASAN LITERATUR

2.1 Ulasan Terhadap Bursa Saham

Kajian-kajian lepas telah membuktikan bahawa adalah baik untuk mempelbagaikan pelaburan saham kepada pasaran yang berlainan. Ini kerana daripada kajian-kajian terdahulu, didapati korelasi yang negatif atau nilai positif yang rendah di antara bursa saham antarabangsa. Sebaliknya jika pekali korelasi bagi hubungan di antara pasaran saham antarabangsa adalah kuat (iaitu nilainya positif dan tinggi), maka pelabur tidak perlu mempelbagaikan pelaburan mereka kepada pasaran saham yang berlainan. Mereka hanya perlu menumpukan perhatian kepada satu pasaran saham sahaja untuk mengaut keuntungan. Dengan ini, para pelabur yang menumpu terhadap satu pasaran saham sahaja, tidak perlu bimbang terhadap risiko-risiko seperti kadar pertukaran matawang asing dan sebagainya apabila melabur di pasaran-pasaran asing.

Kajian Yong (1995) yang berkaitan dengan perbandingan di antara prestasi pasaran saham New York Stock Exchange (NYSE), Tokyo Stock Exchange (TSE) dan Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL). Kajian ini dilakukan untuk mengetahui sama ada

prestasi hujung minggu NYSE dan TSE mempengaruhi prestasi BSKL pada minggu baru. Keputusan menunjukkan bahawa ketiga-tiga pasaran saham ini tidak mempunyai korelasi yang tinggi di antara satu sama lain. Dengan itu, beliau mengatakan bahawa terdapat faktor-faktor lain juga yang mempengaruhi prestasi pasaran saham BSKL. Korelasi yang didapati pula mungkin disebabkan oleh hubungan dagangan di antara Malaysia dengan Amerika Syarikat serta Jepun. Maka timbulnya soalan, ‘Mengapa pasaran saham Malaysia turut menjunam apabila pasaran saham Amerika Syarikat jatuh, misalnya sewaktu Nahas Oktober 1987 ?’

Kajian Lee, Petit dan Swankoski (1990) yang berkaitan dengan hubungan pulangan harian dengan pulangan hari pertama dalam seminggu. Kajian mereka dilakukan pada bursa saham yang terpilih di Asia-Pacific. Hasil kajian mereka menunjukkan kesan pulangan pada hari pertama memberikan kesan terhadap sebahagian sahaja prestasi pasaran saham penting di rantau tersebut. Manakala sebahagian lagi pasaran saham pula tidak menunjukkan sebarang kesan ketara. Ini kerana pasaran-pasaran ini dilindungi oleh pertandingan daripada pelabur-pelabur asing yang hendak melabur di pasaran tersebut, atau pasaran saham tersebut menggunakan sistem pasaran yang berlainan.

Dalam suatu lagi kajian Yong dan Zaida (2000), penurunan mata wang Malaysia semasa krisis ekonomi dikatakan tidak mempengaruhi pasaran saham tempatan walaupun penurunan mata wang tempatan adalah sama dengan penurunan bursa saham tempatan. Kajian ini dilakukan untuk mengetahui kadar pertukaran matawang asing terhadap bursa

saham Malaysia sebelum dan selepas krisis mata wang. Ketidakstabilan kadar pertukaran wang adalah paling ketara apabila krisis ekonomi berlaku. Maka dengan ini, kita boleh katakan bahawa tidak terdapat kaitan secara langsung di antara pasaran saham dengan pasaran mata wang Malaysia.

2.2 Ulasan Tentang Krisis Mata Wang

Pada 2 Julai 1997, krisis ekonomi di Asia telah mencetus huru-hara di seluruh dunia. Sejak krisis ekonomi yang bermula di Asia Tenggara mula menggegarkan pasaran saham tempatan, saham negara-negara maju juga turut jatuh. Justeru itu, menyebabkan banyak syarikat korporat untuk menggulung tikar di serata dunia. Situasi ini menampakkan suatu kesan domino di antara pasaran saham dunia. Krisis ekonomi 1997 bagaikan membuktikan kemelesetan ekonomi di Asia dapat menggegarkan pasaran saham utama dunia seperti NYSE. Sebenarnya kesan ini juga merupakan kesan berbalik, iaitu apabila saham di Asia jatuh, saham di Amerika Syarikat juga akan terjejas. Tetapi sejauh manakah kesan berbalik ini?

Menurut Climent (2001), walaupun terdapat kesan perebakkan kemelesetan ekonomi di Asia, Amerika syarikat kurang terjejas berbanding pasaran-pasaran lain. Dalam kajiannya, Climent juga telah menyatakan bahawa pasaran saham di Asia boleh

RUJUKAN

- Climent, F., Meneu, V., 2003. *Has 1997 Asian crisis increased information flows between international markets* **12**, 111-143.
- Devore, J., Peck, R., 1993. *Statistics: The Exploration and Analysis of Data*. Ed. Ke-2. Duxbury Press, California.
- David J. S., 2000. *Handbook of parametric and nonparametric statistical procedures*. 2nd Edition. Chapman and Hall/CRC.
- Dodge, Y., Rousson, V., 2001. *On asymmetric properties of the correlation coefficient in the regression setting*. The American Statistician **55**(1), 51-54.
- E. Carroll, A., William Schwartz, M., 2002. *A comparison of a lecture and computer program to teach fundamentals of the Draw-a-Person test*. Archive of pediatrics & adolescent Medicion **156**(2), 1-5.
- Frank, K.R., Keith, C.B., 2000. *Investment Analysis and Portfolio Management*. Ed. Ke-6. The Dryden Press Harcourt Brace College Publishers, United State of America.
- Groves, D., Brison, H., Behlings, M., 1999. *Comparison of student physical therapists and experienced physical therapist in scoring the tinetti balance and gait assessment*. Physical Therapy, May, 1999.
- Haim Levy, 2002. *Fundamentals of Investments*, Pearson Education Limited, England.
- Kaminsky, G.L., Schmukler, S.L., 1999. *What triggers market jitters? A chronicle of the Asian crisis*. Journal of International Money and Finance **18**, 537-560.

- Khalid, Ahmed M., Kawai, M., 2003. *Was financial market contagion the source of economic crisis in Asia? Evidence using a multivariate VAR model* **14**, 131-156.
- Kok, K.L., Goh, K.L., 1995. *Malaysian Securities Market*. Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd., Selangor, Malaysia.
- Lee, Insup, Pettit,R.R. dan Swankoski, M.V., 1990. *Day-of-the week effect and daily return relationship among selected Asia-Pacific stock market*. Journal of Business Finance & Accounting **17**(2), 106-124.
- Neter, J., Kutner, M.H., Nachtsheim, C.J., Wasserman, W., 1996. *Applied Linear Regression Model*. The McGraw-Hill Companies, Inc., New York.
- Osterwald-Lenum, M. 1992. *A Note with Quantiles of the Asymptotic Distribution of the Maximum Likelihood Cointegration Rank Test Statistics*. Oxford Bulletin of Economics and Statistic, 545, 461-472.
- Othman Yong, 1994. *Behaviour of the Malaysia Stock Market*. Ed. ke-2. Ampang Press Sdn. Bhd., Selangor, Malaysia.
- Othman Yong, 1995. *Influence of the end-of-the-week performances of the New York stock exchange and the Tokyo stock exchange on the beginning-of-the-week performance of the KLSE*. Capital Market Review **3**(1), 49-69.
- Othman Yong, 1995. *Satu Pengenalan tentang Gelagat Perubahan Harga Saham dan Maklumat Asas Bursa Saham Kuala Lumpur*. Dian Darulnaim Sdn. Bhd., Kelantan, Malaysia.
- Othman Yong, Zaida Isa, 2000. *Volatility and influence of foreign exchange market on the local stock market before and during the period of currency turmoil: the Malaysian experience*. Malaysian Management Review, 11-21.

Philip, B., 1995. *Correlation and Regression: Principles and Applications for Industrial/Organizational Psychology and Management*. McGraw-Hill, Inc. New York, 12-114ms.